

DAP tidak akan menyertai PSC Lynas
The Malaysian Insider
19 Mac , 2012
Oleh Anisah Shukry

KUALA LUMPUR, 19 Mac — DAP tidak akan menyertai Jawatankuasa Pemilihan Parlimen (PSC) Loji Pemprosesan Nadir Bumi Lynas kerana ia hanya "samaran yang pura-pura", Setiausaha Agung DAP Lim Guan Eng berkata dalam kenyataan hari ini.

Lim (gambar), yang juga Ahli Parlimen Bagan, menegaskan panel itu hanya wujud untuk menghalalkan loji Lynas dan memaksa orang awam menerimanya tanpa mengira soal keselamatan, alam sekitar dan kesihatan.

"Datuk Seri Najib Razak telah mengesahkan bahawa PSC adalah satu samaran pura-pura oleh Barisan Nasional...dengan mengatakan bahawa PSC tidak akan menentukan nasib Lynas," beliau berkata.

"Jika PSC tidak dapat menentukan nasib projek tersebut, maka ia adalah sesuatu yang hanya membuang masa untuk kita sertai kerana ia hanyalah sebagai fait accompli (yang telah ditentukan) untuk meluluskan sahaja loji bernilai RM700 juta itu."

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Mohamed Nazri Aziz berkata pada Sabtu lepas bahawa panel dwipartisan itu akan terdiri daripada sembilan ahli — empat penggubal undang-undang BN, tiga Ahli Parlimen PR, seorang calon bebas dan menteri Umno Datuk Seri Khaled Nordin sebagai pengerusi.

Beliau berkata panel itu bertugas untuk mendapat maklum balas daripada pihak berkepentingan seperti pihak berkuasa serta kumpulan rakyat, dan menyampaikan penemuan dalam tempoh tiga bulan.

Ribuan penunjuk perasaan anti Lynas telah berhimpun di Padang MPK Kuantan anjuran Himpunan Hijau bulan lepas sebagai tindakan bantahan terhadap kilang tersebut.

Pengkritik terhadap pembangunan kilang tersebut mendesak kerajaan menghentikan projek berkenaan dan mengarahkan AELB menarik balik pemberian TOL yang membolehkan Lynas menjalankan percubaan selama dua tahun.

Mereka mendakwa, syarikat Australia itu tidak memberikan butiran lengkap berkenaan pengurusan sisa buangan yang mereka akan hasilkan daripada kilang pemprosesan nadir bumi tersebut.